

**Malaysia, Filipina bekerjasama untuk wujudkan pangkalan hadapan  
Astro Awani  
Julai 28, 2016  
Hafiz Marzukhi**

**PUTRAJAYA:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak sekutunya di Filipina bersetuju untuk mewujudkan *forward base* atau pangkalan hadapan di kawasan sempadan kedua-dua negara untuk membanteras jenayah rentas sempadan di sana.

Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata beliau sudah berbincang dengan rakan sejawatnya dari Filipina mengenai perkara tersebut.

"Kami bersetuju bahawa kawasan ini perlu diberi tumpuan.

"Oleh itu, diharap dengan kewujudan *forward base* ini, kerjasama antara kedua-dua negara dalam hal-hal keselamatan semakin baik," jelas beliau.

Beliau ditemui selepas merasmikan Majlis Penutup Persidangan ASEANAPOL ke-36 di Putrajaya petang ini.

Sebelum ini, terdapat beberapa insiden penculikan yang berlaku di kawasan perairan Malaysia dan Filipina, dengan kebanyakannya dikaitkan dengan kumpulan militan Abu Sayyaf.

Tag: [Khalid Abu Bakar](#), [PDRM](#), [polis malaysia](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-filipina-bekerjasama-untuk-wujudkan-pangkalan-hadapan-112339>